

# Siasatan Ahmad Noordin meragukan

KUANTAN, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melahirkan keraguannya terhadap hasil siasatan sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin Zakaria, mengenai skandal Bumiputra Malaysia Finance (BMF).

"Jika laporan itu tidak menyalahkan Tengku Razaleigh, kita khawatir sama ada pendirian Tan Sri Ahmad Noordin ada kaitan dengan laporan yang dia buat," katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan pegawai kanan kerajaan dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional di sini (adalah difahamkan Tan Sri Ahmad Noordin kini adalah ahli Semangat 46).

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah di sini, malam tadi bahawa beliau bersedia dipanggil memberi keterangan oleh sebuah suruhanjaya diraja berhubung tuduhan yang mengaitkannya dengan skandal itu.